




EKONOMI

# MAYBANK ASSET MANAGEMENT SASAR AUM RM100 JUTA DENGAN PENYELESAIAN AI BAHARU




01/11/2023 08:17 PM

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Maybank Asset Management Sdn Bhd (MAM) berharap dapat meraih RM100 juta aset di bawah pengurusan (AUM) dalam tempoh 12 bulan akan datang melalui pelancaran Mandat Portfolio Budi Bicara (DPM) patuh Syariah dengan Ciri Pengkhususan Rapi yang dikuasakan oleh kecerdasan buatan (AS), yang disesuaikan bagi pelanggan bernilai tinggi di Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MAM, Ahmed Muzni Mohamed berkata tawaran itu, yang diperkenalkan dengan kerjasama Arabesque AI, bersedia untuk meningkatkan pengurusan kekayaan Islam Maybank bagi memenuhi keperluan pelaburan pelanggan dengan lebih baik.

"Ini meletakkan MAM Malaysia pada kedudukan utama dalam menyampaikan peluang pelaburan patuh Syariah kepada pelabur yang disasarkan," katanya pada majlis pelancaran penyelesaian DPM dikuasakan AI hari ini.




Sementara itu, CEO Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd, Belqaizi Taufiq berkata kumpulan itu bukan sahaja menyasarkan pelanggan sedia ada tetapi juga pelanggan baharu untuk menggunakan platform tersebut.

Pada masa hadapan, kumpulan itu mahu mengembangkan perkhidmatan tersebut kepada segmen pelabur yang lebih luas.

CEO Maybank Islamic Bhd, Datuk Mohamed Rafique Merican menambah selepas Malaysia, tawaran pelaburan DPM akan diperluaskan ke pasaran lain, yang mana kumpulan itu mempunyai kehadiran yang ketara.




Kata Kunci

mam malaysia
ai
mandat portfolio budi bicara

Berita Berkaitan

MAHB JUAL KEPENTINGAN DALAM LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA HYDERABAD PADA US$100 JUTA


SYARIKAT PENERBANGAN TIDAK SUNYI DARIPADA PERGOLAKAN


ETIKA, NILAI BAIK BENTUK MASA DEPAN AI - FORUM

Lagi Berita


POLIS TERENGGANU LUPUS DADAH LEBIH RM6 JUTA


PERAK FC MAHU TUBUH AKADEMI DALAM TEMPOH TIGA TAHUN AKAN DATANG


BANJIR: MANGSA DI PERAK TERUS MENINGKAT PAGI KHAMIS

COLLEGE | KUALA LUMPUR PENANG | PYKETT CAMPUS
Jan 2024 Intake
is now open
Register now before 30th Nov 2023 to secure 2023 Tuition Fees!*
*T&C apply

Beliau berkata kumpulan itu masih menumpukan usaha mengembangkan francais Islamnya.

Mohamed Rafique percaya bank itu mampu mencipta nilai untuk ruang Islam melalui pejabat domestik dan antarabangsanya ketika ditanya mengenai gesaan Bursa Malaysia Bhd agar bank menyenaraikan unit Islam mereka.

Pengerusi Bursa Malaysia Tan Sri Abdul Wahid Omar pada Ogos menggesa institusi kewangan untuk mempertimbangkan penyenaraian anak syarikat perbankan Islam mereka bagi menangani ketersediaan terhad instrumen ekuiti patuh Syariah dalam sektor perkhidmatan kewangan.

-- BERNAMA

---

*BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 IFLIX dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan RM100.9 (Kuching).*

*Ikuti kami di media sosial :*
*Facebook : @bernamaofficial, @bernamatv, @bernamaradio*
*Twitter : @bernama.com, @BernamaTV, @bernamaradio*
*Instagram : @bernamaofficial, @bernamatvofficial, @bernamaradioofficial*
*TikTok : @bernamaofficial*

Maybank
Request Blocked

## BERNAMA

**Pertubuhan Berita Nasional Malaysia**

Wisma BERNAMA
No.28 Jalan BERNAMA
Off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Malaysia

+603 2693 9933 / +603 2631 1000 (Talian Am)
+601 6415 2766 (Bernama.com)
+603 2631 1535 / 1252 (Wires/Editorial)
+603 2631 1112 (Digital Services)
+603 2631 1123 (PR/MREM Services)
+603 2631 1510 (News & Photo Subscription)
+603 2631 1447 (Bernama TV)
+603 2692 9739 (Bernama Radio)
helpdesk[at]bernama.com